**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI MELAKA**
Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
http://portalpp.anm.gov.my/melaka

Ruj. Kami : ANM(UPA)MEL/01(31)
Tarikh : 14 Mei 2019
Bersamaan : 09 Ramadan 1440 Hijrah

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab**

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEROLEHAN ASET : KEMASKINI NO.SIRI/NO.HAK MILIK/CASIS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti Ybhg.Datuk/ Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Aset adalah sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti (MPSAS 1). Dalam menentukan sama ada aset tersebut dikawal dan dimiliki secara benefisial, ianya perlu wujud dengan disokong oleh maklumat No.Siri/No.Hak Milik/Casis.

3. Namun begitu, hasil semakan sampel data induk aset mendapati maklumat di No.Siri/No.Hak Milik/Casis dalam **data induk aset bagi perolehan aset tahun 2018** seperti **TANAH dan KENDERAAN** adalah tidak lengkap. Aktiviti pengemaskinian ini penting bagi memastikan Aset Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan betul dan bagi menyokong pertanyaan audit (*audit assertions*) berkenaan kewujudan (*existence*) sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan. Prosedur Kemaskini Data Induk Aset adalah seperti di MPK-AA 02 di **LAMPIRAN.**

4. Sehubungan itu, diminta semua pihak PTJ **untuk mengemaskini data induk aset bagi perolehan 2018 sehingga terkini** di portal iGFMAS. Skrin yang berkaitan adalah seperti berikut:-




5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset seperti berikut :

| <u>Bil</u> | <u>Nama</u> | <u>No.Telefon</u> | <u>Emel</u> |
|---|---|---|---|
| i. | Rosnita binti Ramli | 06-2895038 | rosnita.ramli@anm.gov.my |
| ii. | Aimi Safura binti Ismail | 06-2895047 | aimisafura@anm.gov.my |
| iii. | Hazlina binti Masro | 06-2895043 | hazlina.masro@anm.gov.my |
| iv. | Nur Ul Saadah binti Mustapha | 06-2895041 | saadah.mustapha@anm.gov.my |

6. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**( SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M) )**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.